

**CORAK PERBELANJAAN WANG PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN  
TINGGI NEGARA (PTPTN): KAJIAN KES DI UNIVERSITI TEKNOLOGI  
MARA (UiTM) ZON UTARA (KAMPUS BUKIT MERTAJAM, KAMPUS  
SUNGAI PETANI DAN KAMPUS ARAU)**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**NORMALA ISMAIL**

**NOOR SALIZA ZAINAL**

**SOFIAH MOLEK LOPE AMAN SHAH**

**MAZNAH WAN OMAR**

**MAC 2003**

Tarikh : 15 Januari 2002  
Nombor Fail Projek : 100 – UiTM (HEA 9 – 9)

Puan Zauyah Abd. Razak  
Pemangku Pengarah Kampus  
Merangkap Pengerusi  
Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Cawangan Kedah  
Kampus Sungai Petani

Puan.

#### **MENERIMA TAWARAN CADANGAN PROJEK PENYELIDIKAN**

Merujuk kepada perkara di atas dimaklumkan bahawa saya bersama dengan ahli – ahli kumpulan yang lain dengan sukacitanya bersetuju untuk menerima tawaran Cadangan Projek Penyelidikan seperti yang dikemukakan oleh pihak puan bertarikh 13 Januari 2002. Kami juga berjanji akan cuba menyelesaikan penyelidikan tersebut mengikut tarikh dan tempoh yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

**NORMALA ISMAIL**

Ketua Projek Penyelidikan

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Cawangan Kedah

Kampus Sungai Petani

Tarikh : 31 Mac 2003  
Nombor Fail Projek : 100 – UiTM (HEA 9 – 9)

Ketua Biro Penyelidikan Dan Perundingan (BRC)

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

40450 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

Puan,

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN CORAK PERBELANJAAN WANG  
PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NEGARA (PTPTN): KAJIAN  
KES DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) ZON UTARA (KAMPUS  
BUKIT MERTAJAM, KAMPUS SUNGAI PETANI DAN KAMPUS ARAU)**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama – sama ini disertakan tiga (3) naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk ‘**Corak Perbelanjaan Wang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN): Kajian Kes Di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Zon Utara (Kampus Bukit Mertajam, Kampus Sungai Petani Dan Kampus Arau)**’ oleh Kumpulan Penyelidik Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah untuk makluman pihak puhan.

Sekian, terima kasih.

## **ABSTRAK**

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti secara empirik corak perbelanjaan wang PTPTN di kalangan para pelajar di UiTM Zon Utara Kampus Bukit Mertajam, Kampus Sungai Petani dan Kampus Arau. Penyelidikan ini merupakan suatu kajian lapangan berdasarkan kepada kajian keratan rentas. Kajian ini menggunakan analisis regresi ekonometrik, teknik deskriptif, ujian – t dan analisis varians berasaskan kaedah *Statistical Package For Social Sciences (SPSS)*. Penyelidikan mengkategorikan perbelanjaan wang PTPTN pelajar kepada dua kumpulan iaitu pelajar merancang dan pelajar tidak merancang. Wang PTPTN dibelanjakan oleh pelajar untuk akademik wajib, akademik tidak wajib dan perbelanjaan persendirian. Hasil analisis berganda mendapati bahawa perbelanjaan persendirian merupakan faktor paling dominan mempengaruhi jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN pelajar merancang dan tidak merancang. Hasil analisis varians pula menunjukkan jumlah keseluruhan perbelanjaan wang PTPTN bagi pelajar merancang dan tidak merancang berbeza atas tiga faktor yang sama iaitu kampus cawangan UiTM, bahagian pengajian kini dan program pengajian. Adalah diharapkan hasil penyelidikan ini dapat membantu pihak pengurusan UiTM Zon Utara merangka pelan tindakan yang bersesuaian serta membina kesedaran di kalangan para pelajar terhadap penggunaan wang PTPTN.